

Bil. S 64

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2017/2018) (BIL. 4), 2018

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 12/2017) bertarikh 26 haribulan Januari 2017 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat bilion, enam ratus juta ringgit (\$4,600,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2017/2018), 2017 (Akta 1 tahun 2017).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh sembilan juta, lapan ratus lapan puluh tujuh ribu, empat ratus lapan puluh tiga ringgit (\$29,887,483.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 1), 2017 (S 73/2017).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebelas juta, lapan ratus lapan puluh lima ribu, dua ratus tujuh puluh lapan ringgit (\$11,885,278.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 2), 2018 (S 1/2018).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh juta, satu ratus dua puluh sembilan ribu, tujuh ratus lima belas ringgit (\$30,129,715.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 3), 2018 (S 33/2018).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga ratus sebelas juta, lapan ratus empat puluh enam ribu, enam ratus empat puluh enam ringgit dan dua puluh lima sen (\$311,846,646.25).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 4), 2018.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2017/2018 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus sebelas juta, lapan ratus empat puluh enam ribu, enam ratus empat puluh enam ringgit dan dua puluh lima sen (\$311,846,646.25) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2017/2018, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2017/2018), 2017 (Akta 1 tahun 2017), Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 1), 2017 (S 73/2017), Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 2), 2018 (S 1/2018) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 3), 2018 (S 33/2018) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual tersebut.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA02A	Jabatan Adat Istiadat Negara	\$37,701.00
SA04A	Biro Kawalan Narkotik	\$150,000.00
SA06A	Jabatan Keselamatan Dalam Negeri	\$156,163.00
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$2,428,997.00
SA17A	Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi	\$2,367,914.00

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL – (Sambungan)

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
SA22A	Jabatan Kehakiman Negara	\$76,996.00
SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$28,470,000.00
KEMENTERIAN PERTAHANAN		
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	\$29,809,799.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN		
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	\$11,954,080.00
KEMENTERIAN KEWANGAN		
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$168,901,148.25
KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Kementerian Pendidikan	\$24,916,312.00
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SK08A	Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi	\$2,880,000.00
KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM01A	Kementerian Kesihatan	\$39,697,536.00
		<u>\$311,846,646.25</u>

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1440 bersamaan dengan 29 haribulan November, 2018 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM